

'5 bulan jatuhkan Najib', polis siasat Tian Chua
MalaysiaKini.com
Mar 18, 2014

Polis hari ini menyiasat Naib Presiden PKR Tian Chua ekoran kenyataannya berhubung "menjatuhkan Najib dalam 5 bulan" di Twitternya pada 7 Mac lalu.

Anggota Parlimen batu itu hari ini tampil memberi keterangan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur untuk siasatan bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan.

Seksyen itu antaranya memperuntukkan kesalahan mencetak, menerbit, menjual dan mengedar penerbitan bertujuan menghasut.

Sabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun (bagi kali pertama) dan lima tahun (kesalahan berikutnya), atau kedua-duanya.

Tian Chua atau nama sebenarnya Chua Tian Chang sebelum ini menulis:

"Najib hukum Anwar dipenjarakan 5 tahun - rakyat akan menjatuhkan Najib dalam 5 bulan, saya berjanji kepada anda!"

Ia dipercayai dibuat ekoran perasaan tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Rayuan yang menjatuhkan hukuman itu kepada Anwar selepas memutuskannya bersalah meliwat Saiful Bukhari Azlan.

Menurut Pengurus Komunikasi PKR Batu Vinesh Nair, Tian Chua juga ditahan dalam tempoh singkat kerana enggan membenarkan komputer tablet iPad miliknya diperiksa.

"Tian Chua tidak berpuas hati dengan tindakan itu, sekarang merancang untuk membuat satu laporan polis di IPD Dang Wangi," kata vinesh ketika dihubungi *Malaysiakini*.

Tian Chua disiasat kira-kira sejam bermula jam 10 pagi tadi.